

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



**ANALISIS BIOGRAFI MUHAMMAD UTHMAN EL-
MUHAMMADY DARI PERSPEKTIF TEORI EKOLOGI
BROFENBRENNER**

*BIOGRAPHY ANALYSIS OF MUHAMMAD UTHMAN EL-MUHAMMADY FROM
THE PERSPECTIVE OF BRONFENBRENNER'S ECOLOGICAL THEORY*

Earnie Elmie Hilmi¹, Noorma Razali^{2*}

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Email: earnie@ums.edu.my

² Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Email: noorma@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.11.2021

Revised date: 20.11.2021

Accepted date: 12.12.2021

Published date: 15.12.2021

To cite this document:

Hilmi, E. E., & Razali, N. (2021). Analisis Biografi Muhammad Uthman El-Muhammady Dari Perspektif Teori Ekologi Brofenbrenner. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (44), 167-175.

DOI: 10.35631/IJEPC.644013

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstral:

Muhammad Uthman el-Muhammady dikenali sebagai tokoh pemikir di Malaysia. Latar belakang kehidupannya dipenuhi dengan kepelbagaian rona kehidupan yang berlatar belakang akademia. Pemikirannya banyak menentang ajaran ahli Sunnah wal Jamaah. Beliau juga lantang menentang pemikiran-pemikiran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah sehinggakan beliau dianggap sebagai seorang yang ekstrem. Keperibadiannya menjadi pesona dalam dunia pemikiran di Malaysia melalui kepetahannya berbahasa Inggeris dan berhujah. Kajian ini didasari oleh Teori Ekologi. Biografi Muhammad Uthman el-Muhammady dari perspektif teori ekologi yang dipelopori oleh Urie Bronfenbrenner (1979, 1986) menunjukkan pembentukan personaliti dan sahsiah tokoh terulung ini bermula di peringkat mikrosistem. Hasil kajian menunjukkan bagaimana latarbelakang kehidupan Muhammad Uthman el-Muhammady yang dididik oleh arwah ayahnya dalam mengutamakan ilmu sedari kecil telah membentuk keperibadiannya sehinggakan menjadikan beliau seorang tokoh semasa yang disanjung masyarakat kerana ketinggian ilmunya. Corak kehidupannya patut dicontohi oleh semua lapisan masyarakat dalam membentuk dan mewujudkan satu personaliti yang istimewa.

Kata Kunci:

Ekologi, Personaliti, Biografi, Mikrosistem

Abstract:

Muhammad Uthman el-Muhammady known as a thought figure in Malaysia. His life background is filled with a variety of life hues with an academic background. His thoughts highlighted the teachings of the Sunnah wal Jamaah. He also loudly opposed thoughts that were contrary to the beliefs of Ahli Sunnah wal Jamaah, so that he considered to be an extremist. His personality became a charm in the world of thought in Malaysia through his fluency in English and argument. This study is based on Ecological Theory. Biography of Muhammad Uthman el-Muhammady from the perspective of ecological theory pioneered by Urie Bronfenbrenner (1979, 1986) shows that the formation of personality and character of this leading figure began at the microsystem level. The results of the study show how the background of Muhammad Uthman el-Muhammady who was educated by his late father in prioritizing knowledge from an early age has shaped his personality, which made him a revered figure in public because of his knowledge. His life pattern should be emulated by all types of society in shaping and creating an extraordinary personality.

Keywords:

Ecology, Personality, Biography, Microsystem

Pengenalan

Setiap tokoh mempunyai latar belakang kehidupan yang berbeza dalam mencorakkan personaliti. Menurut Mohd Dahlan dan Nurul Hudani (2015) kajian personaliti akan melibatkan struktur, proses dan perkembangan. Struktur ialah ciri-ciri personaliti yang ada pada seseorang individu, proses melibatkan pembentukan personaliti seseorang manakala perkembangan ialah sebab seseorang itu bertingklaku sedemikian. Kajian ini memfokuskan perkembangan latar belakang Muhammad Uthman el-Muhammady berdasarkan kepada Teori Ekologi Brofenbrenner. Teori Ekologi Brofenbrenner menyatakan bahawa lapisan pertama iaitu mikrosistem adalah lapisan terdekat yang ditempuhi oleh sesorang individu dengan ahli keluarga, rakan-rakan, pendidikan dan dunia pekerjaan mencorakkan personaliti seseorang individu. Perkara-perkara ini merupakan lingkungan yang dekat dengan keperibadian individu termasuklah Muhammad Uthman el-Muhammady.


Muhammad Uthman el-Muhammady terkenal sebagai seorang individu yang sentiasa merendah diri walaupun beliau agak tersohor dalam dunia pemikiran Islam di Malaysia. Berperwatakan sederhana, sentiasa memakai jubah dan serban serta bertubuh rendah dan kecil. Itulah personaliti ustaz Uthman yang menarik perhatian ramai apabila beliau membenteng kertas kerja dalam Bahasa Inggeris. Semua orang tidak menyangka yang “lebai kampung” ini mempunyai kepetahan berhujah dalam Bahasa Inggeris. Itulah pesona Muhammad Uthman el-Muhammady termasuklah pengkaji. ‘Wow’ faktor tersebut yang membuatkan beliau dikagumi walaupun berperwatakan sederhana sedemikian. Menurut anaknya Asma (2021), ayahandanya lebih suka dikenali sebagai lebai kampung.

Pencorakan personaliti Muhammad Uthman el-Muhammady yang bersikap sederhana sedemikian berdasarkan kepada perkembangan di persekitaran beliau. Perkara ini melibatkan ahli keluarganya seperti ibu bapa dan adik beradik, rakan-rakan perjuangan beliau dari kecil sehinggalah ke alam pekerjaan, pendidikan rendah hingga ke universiti sama ada secara formal ataupun tidak formal dan kepelbagaian pekerjaan beliau sama ada pekerjaan rasmi ataupun

tidak rasmi. Kajian latarbelakang kehidupan Muhammad Uthman el-Muhammady akan menggunakan analisis dari teori ekologi yang telah diperkenalkan oleh Bronfenbrenner.

Kajian Literatur

Secara umumnya ekologi membawa dua maksud iaitu kajian tentang hubungan antara organisma hidup dan persekitarannya serta hubungan antara tumbuhan, binatang dan manusia dengan persekitaran (*Kamus Dewan* 2005). Bronfenbrenner (1979) menyatakan teori ekologi perkembangan manusia melibatkan perkembangan manusia dengan pengaruh dari persekitarannya. Teori ekologi ini terdiri dari lima lapisan di setiap peringkat iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Dalam kajian ini, lapisan mikrosistem digunakan untuk menganalisis latar belakang Muhammad Uthman el-Muhammady dalam aspek pembentukan personaliti beliau. Teori ekologi Bronfenbrenner boleh digambarkan seperti rajah 1 berikut:



Rajah 1: Teori Ekologi Bronfenbrener

Sumber: Bronfenbrenner (1979)

Menurut Bronfenbrenner (1979: 9), lapisan mikrosistem melibatkan perkara yang berlaku berulang setiap hari di sekeliling manusia yang secara tidak langsung dapat membentuk sikap dan perkembangannya.

Muhammad Uthman el-Muhammady merupakan tokoh yang disegani dalam dunia pemikiran Islam di Malaysia. Beliau dikenali sebagai seorang yang ekstrem (Lotfi 1976) dan seorang pejuang tegar (Zaidi 2013, Ismail 2014 dan YADIM 2015) kerana mempertahankan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, penulis prolific (Mohd. Nasir 2006, Zaidi 2013) atas karya-karyanya yang pelbagai bidang, intelegensia muslim kontemporari (Ismail Mina 2014), cendekiawan dan pemikir Islam (Zakaria 2014) atas pemikirannya, lebai kampung (Zaidi 2013, Adli 2017 dan Asma (2021) dan pendakwah kampung (Mohd Ammyrul Ashraf dan Shukri 2019) atas kesederhanaan dan kezuhudannya. Pengiktirafan ini menunjukkan Muhammad Uthman el-Muhammady mempunyai latar belakang yang menarik untuk dikaji dan dianalisis menggunakan Teori Bronfenbrenner.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan naratif (*narrative approach*) dan analisis kandungan (*content analysis*). Pendekatan naratif digunakan untuk menganalisis latar belakang tokoh dengan menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) melalui temubual dengan anak dan rakan karib tokoh. Manakala analisis kandungan digunakan dalam

mendapatkan biodata dan latar belakang tokoh, melalui karya-karya tentang beliau. Antara karya-karya yang digunakan ialah buku dari Lotfi (1976) *Wawancara eksklusif Lotfi Ismail dengan Muhammad Uthman el-Muhammady: teman setiap pembaca roh Islam*, bab dalam buku dari Zakaria Stapa (2014), buku dari Ismail Mina Ahmad (2014), *Muhammad Uthman El-Muhammady Intelegensia Muslim Kontemporari*, artikel dari Mohd Ammyrul Ashraf dan Shukri (2019) iaitu 'Pendakwah Kampung Muhammad Uthman el-Muhammady dalam Pemikiran Politik'.

Muhammad Uthman El Muhammady

Nama asal beliau ialah Muhammad Uthman bin Muhammad. El-Muhammady merupakan nama gelaran yang dipakai oleh beliau dan juga adiknya Abdul Halim. Kedua-duanya merupakan tokoh yang dikenali dalam masyarakat umum. Dilahirkan pada 9 Februari 1943 di Kampung Telok, Panji daerah Kota Bharu Negeri Kelantan. Bapa beliau ialah, Muhammad bin Musa yang berkahwin dengan Mek Wok binti Awang Long. Ayah beliau dikenali sebagai Pak Mat yang juga merupakan seorang petani dan juga bomoh (Zaidi 2013). Pasangan ini dikurniakan empat orang anak, dua lelaki dua perempuan. Anak pertama ialah Muhammad Uthman el-Muhammady, manakala Abdul Halim el-Muhammady merupakan anak yang kedua. Kalthum merupakan anak ketiga tetapi telah meninggal dunia, Maimunah @ Rapih merupakan yang bongsu antara empat beradik (Mohd. Nasir 2006).

Muhammad Uthman el-Muhammady telah berkahwin dengan Mariam binti Hussain, seorang suri rumah sepenuh masa pada tahun 1966 dan dikurniakan dengan 14 orang cahayamata, 4 lelaki dan 8 perempuan. Dua daripadanya telah meninggal dunia diwaktu kecil. Susunan anak-anak beliau mengikut umur ialah Khalidah, Muhammad Solah, Halim el-Muhammady, Nabliah, Hakimah, A'ishah, Fatimah, Asma, Ahmad el-Muhammady, Khadijah, Muhammad Khalid el-Muhammady dan Hafisah. Dua daripada anak beliau, telah berjaya mengikut jejak langkahnya dengan berkhidmat sebagai pensyarah iaitu Asma dan Ahmad yang kedua-duanya bertugas di Universiti Islam Antarabangsa (Mohd Nasir 2006).

Muhammad Uthman el-Muhammady telah meninggal dunia di usia 70 tahun pada Isnin petang, 25 Mac 2013. Beliau meninggal dunia di Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Ketamadunan (ISTAC). Muhammad Uthman el-Muhammady telah dikuburkan di Tanah Perkuburan Gombak. Kematian beliau mengejutkan ramai pihak termasuk pimpinan kerajaan pada masa tersebut kerana negara telah kehilangan tokoh pemikir Islam tempatan.

Latar Belakang Kehidupan Muhammad Uthman El Muhammady

Latar belakang kehidupan Muhammad Uthman el-Muhammady sangat unik, dipenuhi dengan sejarah bagaimana tradisi keilmuannya dibentuk. Latar belakang ini melibatkan keluarga, rakan-rakan, pendidikan dan dunia pekerjaan akan dianalisis mengikut Teori Ekologi Brofenbrenner (mikrosistem).

Keluarga

Muhammad Uthman el-Muhammady berada dalam lingkungan keluarga yang mengutamakan ilmu. Ayahandanya Muhammad bin Musa sejak dari kecil bersifat tegas dalam pendidikan anak-anaknya. Muhammad Uthman el-Muhammady tidak dibenarkan untuk bermain secara bebas dengan rakan-rakan sebayanya. Beliau banyak menghabiskan masanya dengan membaca buku, sehinggalah ada daripada buku tersebut diulang-ulang bacaannya kerana terhad bahan bacaan. Ketegasan ayah beliau ini telah membuahkan hasil kerana Muhammad Uthman el-

Muhammady dan adiknya Abdul Halim el-Muhammady akhirnya telah menjadi seorang tokoh yang disegani dalam bidang akademik.

Walaupun Ayahanda Muhammad Uthman el-Muhammady bekerja hanya sebagai petani dan seorang bomoh, beliau banyak menghadiri kuliah-kuliah agama yang dijalankan di kampungnya kerana pondok terbesar di Kelantan pada masa itu terdapat di kampungnya. Pondok tersebut ialah pondok Tuan Guru Haji Muhammad Bin Idris yang juga dikenali sebagai Tuan Guru Haji Muhammad Bukhari. Dikenali nama sedemikian kerana beliau menghafal hadis-hadis imam Bukhari (r.a). Ayahanda Muhammad Uthman el-Muhammady sangat mengutamakan pembelajaran anak-anaknya. Muhammad Uthman el-Muhammady telah dihantar untuk belajar membaca al-Qur'an dengan guru al-Qur'an dan kadangkala ayahandanya akan membawa Muhammad Uthman el-Muhammady bersama-sama dengannya untuk pengajian kitab.

Ketokohan Muhammad Uthman el-Muhammady juga membuatkan anak-anak beliau mengikut jejak langkahnya. Dua daripada anak beliau iaitu Asma (PhD) dan Ahmad (PhD) juga menjadi pensyarah. Kedua-dua mereka telah menggunakan gelaran yang digunakan oleh ayahanda mereka iaitu el-Muhammady. Asma bertugas di Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan di Gombak. Manakala Ahmad pula bertugas di Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Ketamadunan (ISTAC). Selain daripada Asma dan Ahmad, adik beradik yang lain ada yang menjadi Guru dan Pegawai Hal Ehwal Islam, di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Berlandaskan lapisan pertama di peringkat mikrosistem ini mencerminkan bahawa persekitaran Muhammad Uthman el-Muhammady yang terdekat dengan beliau ialah keluarga beliau dan interaksi awal serta didikan daripada ayahanda beliau ini berlaku dalam persekitaran yang kecil seperti interaksi dua hala antara beliau dan ayahanda beliau. Sistem ini mengandungi situasi atau kontak dan interaksi tingkah laku yang dialami oleh Muhammad Uthman el-Muhammady sejak dari kecil yang membentuk realiti kehidupan hariannya kerana di peringkat ini beliau paling banyak menghabiskan masanya bersama mereka yang paling hampir dengan dirinya iaitu ayandanya.

Faktor persekitaran dalam keluarga merupakan faktor yang paling besar yang akan mempengaruhi perkembangan seseorang individu. Sistem lapisan pertama dalam Teori Bronfenbrenner ini merupakan sumber bekalan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan kasih-sayang daripada ahli keluarga bagi setiap individu sejak dari kecil. Muhammad Uthman el-Muhammady yang berada dalam sistem mikronya menjadikan rumah sebagai tempatnya berlindung dan mendapat sumber bekalan keperluan asas serta ilmu daripada ayahandanya sendiri. Individu yang terlibat dalam pembentukan sosialisasi peringkat awal di sekeliling Muhammad Uthman el-Muhammady ini sangat penting dalam perkembangan dan pembentukan personaliti beliau. Ketika peringkat ini, sejak dari zaman kanak-kanak Muhammad Uthman el-Muhammady, beliau telah mula meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada ahli dan individu yang berada di sekeliling beliau iaitu ayahanda beliau sendiri. Oleh sebab itu, ketokohan dan ciri yang ada pada personaliti Muhammad Uthman el-Muhammady terdidik dan terbentuk akibat persekitaran yang baik sejak dari kecil.

Rakan-rakan

Rakan-rakan beliau semasa zaman persekolahan, Institut Pengajian Tinggi dan di alam pekerjaan juga telah memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian beliau. Antara rakan-rakan beliau di alam persekolahan ialah Mohd. Kamal Hasan (Prof. Tan Sri Dr), Haji Ja'afar (Pengusaha Minyak Mestika), Haji Ariffin (Pesara Guru) dan Ibrahim Yaa'cob. Muhammad Uthman el-Muhammady pernah hanya berbasikal dengan Mohd. Kamal Hasan (Zaidi 2019) dan Ibrahim Yaa'cob ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang untuk mencari buku-buku bacaan yang diminati, terutamanya buku-buku tulisan Iqbal dan al-Ghazali (Lotfi 1976).

Ketika menuntut ilmu di Universiti Malaya, Muhammad Uthman el-Muhammady telah melibatkan diri dengan pertubuhan al-Rahmaniah. Beliau menjadi pelopor dan pengasasnya selain daripada Miskin Bin Fakir, Abdul Ahad dan beberapa orang lagi. Bersama-sama dengan Mohd. Kamal Hasan, Mohd Nakhaie Ahmad (Dato') dan Wan Muhammad Ali, beliau telah menggerakkan pertubuhan ini sehinggakan menjadi pertubuhan yang dikenali pada masa itu (Zulkifli 2008). Antara rakan-rakan baik beliau yang lain ialah Zaidi Hasan (penulis bebas) dan Ismail Mina Ahmad (mantan pengerusi pertubuhan Muafakat).

Menurut Mujahidah (2015) teori ekologi melihat hubungan dua hala individu dengan lingkungan yang akan membentuk tingkahlakunya. Pendapat ini juga disokong oleh Rohayati (2020), beliau menyatakan kelompok rakan-rakan yang prihatin dan mengambil berat akan mempengaruhi emosi dan perkembangan mental seseorang individu sejak dari kecil. Kelompok rakan-rakannya yang terdiri daripada individu yang mempunyai minat yang sama dan saling mengambil berat tentang yang lain mengukuhkan lagi perkembangan emosi dan mental Muhammad Uthman el-Muhammady. Kelompok ini sedikit sebanyak telah membentuk personaliti beliau untuk meminati bidang keilmuan dan kegiatan dakwah. Pada masa kini didapati kebanyakan rakan-rakannya telah menjadi antara tokoh-tokoh yang disegani dalam pelbagai bidang keilmuan dan dakwah seperti beliau.

Pendidikan

Pendidikan informal Muhammad Uthman el-Muhammady ialah pendidikan agama yang diperolehi di persekitaran kampungnya yang mana beliau belajar membaca teks-teks kitab jawi karangan Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Ismail al-Fatani dan sebagainya. Selain daripada itu, beliau juga telah belajar tajwid, hukum hakam dan pembelajaran akhlak dengan guru al-Qur'annya (Lotfi 1976). Pendidikan Muhammad Uthman el-Muhammady secara formal ialah pendidikan arus perdana pada masa itu. Bersekolah rendah di Sekolah Rendah Rambutan Rendang (sekarang dikenali dengan Sekolah Kebangsaan Cempaka). Pada dasarnya selepas tamat sekolah rendah, Muhammad Uthman el-Muhammady meminati pendidikan aliran agama dan ingin meneruskan pembelajarannya di Maahad Muhammadi (Lelaki) tetapi atas dorongan keluarganya beliau menyambung pengajian ke Ismail English School (sekarang dikenali dengan Maktab Sultan Ismail) (Zaidi 2013).

Tamat tingkatan lima di Ismail English School, beliau menyambung pelajarannya pula di tingkatan enam di Kolej Sultan Abdul Hamid Kedah. Selepas mendapat keputusan yang cemerlang, beliau akhirnya dapat melanjutkan pengajiannya dalam bidang yang diminati iaitu di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 1963. Selepas menamatkan ijazah Sarjana muda (B.A) beliau melanjutkan pengajian Ijazah sarjana dalam bidang yang sama di universiti tersebut. Pada tahun 1995 atas usahanya dalam bidang dakwah dan penulisannya, beliau telah dikurniakan dengan Ijazah kehormat Ijazah 'honoris causa' "Doctor of Letters"

(D. Litt) daripada Universiti Sains Malaysia. Manakala pada tahun 2005 pula, beliau telah menerima Doktor Falsafah 'honoris causa' (PhD hon) daripada Universiti Utara Malaysia dalam bidang Pengurusan Kerja Sosial.

Pendidikan informal dan formal yang diperolehi oleh Muhammad Uthman el-Muhammady telah membentuk pemikiran dan keperibadian beliau. Walaupun pada awalnya beliau telah mendapat pendidikan beraliran Inggeris, namun demi minatnya yang mendalam terhadap ilmu keagamaan menyebabkan beliau melanjutkan pengajiannya dalam bidang pengajian Islam di peringkat Ijazah Sarjana muda dan Sarjana. Pendidikan aliran Inggeris yang menjadikan beliau fasih berhujah dan merujuk bahan-bahan dalam Bahasa Inggeris.

Dunia Pekerjaan

Pekerjaan pertama Muhammad Uthman el-Muhammady ialah dilantik menjadi Tutor semasa beliau sedang menyambung Ijazah Sarjana beliau. di Universiti sehingga dilantik menjadi pensyarah sehingga tahun 1963. Beliau telah meletak jawatan dan Kembali ke Kelantan untuk menjadi pendakwah bebas sehinggalah beliau kembali bertugas dengan beberapa buah agensi kerajaan seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC). Antara jawatan-jawatan yang pernah disandang oleh beliau ialah (Mohd Nasir Omar 2006; Zaidi Hassan 2013; Zakaria Stapa 2014):

1. Pada tahun 1963 beliau menjadi Yang di-Pertua Pertubuhan al-Rahmaniah serta menguruskan penerbitan majalah al-Nur (Majalah rasmi Pertubuhan al-Rahmaniah).
2. Pada tahun 1970an beliau menjadi pensyarah sambilan di Institut Teknologi MARA (ITM) dan guru Maktab Adabi.
3. Selain daripada itu beliau menjadi ahli syura Majlis MAIK, Ahli Majlis Pemegang Amanah Yayasan Karyawan, Ahli panel penasihat Nadwah Persuratan Islam Malaysia (NAFIS), Ahli integriti Nasional dan Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia.
4. Sidang redaksi majalah Pengasuh keluaran Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).
5. Pakar Perunding Agama bagi Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) Terengganu dan Panel Penasihat untuk Jawatankuasa Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia
6. Dalam bidang Pendidikan beliau juga merupakan Fellow Kanan di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Fellow Utama Akademik (*Very Distinguished Fellow Academic*) Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Univesiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Adjung Univeriti Petronas, Tronoh, Perak dan Felo Kehormat IKIM 1993-2005, serta dilantik semula pada tahun 2010.
7. Pesuruhjaya SUHAKAM (2006-2008).

Ini adalah antara jawatan-jawatan yang pernah dipegang oleh Muhammad Uthman el-Muhammady. Daripada senarai ini kita dapat melihat kepelbagaian jawatan yang dipegang oleh beliau. Kepelbagaian ini menunjukkan keupayaan beliau dalam pelbagai bidang. Masyarakat mengiktiraf sumbangan pemikiran beliau. Jawatan-jawatan yang dipegang telah membentuk personaliti Muhammad Uthman el-Muhammady menjadi seorang tokoh yang dikagumi dalam pemikiran Islam.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapat dibuat analisis bahawa interaksi dalam skala kecil iaitu lapisan Mikrosistem melibatkan Muhammad Uthman el-Muhammady dengan ibu bapa, adik beradik, rakan sebaya dan juga jiran tetangga beliau ini termasuklah alam pendidikan serta dunia pekerjaan Muhammad Uthman el-Muhammady yang banyak memainkan peranan penting dalam pembentukan personaliti beliau. Lingkungan keluarga, ibu bapa merupakan agen sosialisasi terpenting dalam kehidupan seseorang individu. Perkara ini selaras dengan Teori Ekologi Brofenbrenner yang berada di lapisan pertama iaitu mikrosistem.

Antara kesemua ekologi pembentukan pembangunan personaliti Muhammad Uthman el-Muhammady, keluarganya banyak memainkan peranan terutama bapanya iaitu Muhammad bin Musa. Ketegasan beliau dalam mendidik Muhammad Uthman el-Muhammady sejak dari kecil telah membentuk keperibadiannya. Pendidikan informal yang diterima oleh Muhammad Uthman el-Muhammady pula telah memupuk minat yang mendalam terhadap ilmu agama.

Rujukan

- Adli Yaacob. (2017). Konsep sastera Islam mengikut Uthman El-Muhammady. *Journal of global Business and social entrepreneurship*. 1(4): 1-16. [Http://gbse.com.my](http://gbse.com.my).
- Asma el-Muhammady. (2021). Muhammad Uthman el-Muhammady, Google Meet. Temubual, 20 Mei
- Brofenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiment by nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development: research perspectives. *Developmental Psychology*, 22, 723-742.
- Brofenbrenner, U dan Morris, Pamela A. (2006). The Bioecological Model of Human Development. Dlm. *Handbook of Child Psychology, Theoretical Models of Human Development*. New Jersey: John Wiley & Sons Inc. https://www.academia.edu/24044342/Bronfenbrenner_and_morris, hlm: 793-828.
- Ismail Mina Ahmad. (2014). *Muhammad Uthman El-Muhammady Intelegensia Muslim Kontemporari*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (Muafakat).
- Lotfi Ismail. (1976). *Wawancara eksklusif Lotfi Ismail dengan Muhammad Uthman el-Muhammady: teman setiap pembaca roh Islam*. Siri 1. Petaling Jaya: Penerbitan Ilham.
- Mohd Ammyrul Ashraf Sairan dan Shukri Ahmad. (2019). Pendakwah Kampung Muhammad Uthman el-Muhammady dalam Pemikiran Politik. *Abqari Journal*. 19 (1), 91-106. https://doi.org/10.33102/abqari_vol19no1.198.
- Mohd. Dahlan A. Malek dan Nurul Hudani Md. Nawi. (2015). *Personaliti Menurut Perspektif Islam dan Barat*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Nasir Omar. (2006). Muhammad Uthman El-Muhammady. Dlm. *Biografi tokoh Maal Hijrah peringkat Kebangsaan 1408-1428H/11987-2005*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm: 527-599.
- Mujahidah. (2015). Implementasi Teori Ekologi Brofenbrenner dalam membangun Pendidikan karakter yang berkualitas. *Lentera*. 17 (2): 171-185. https://journal.uinsi.ac.id/index.php/lentera_journal/article/view/439.
- Rohayati Junaidi. (2020). Persekitaran Yang Membentuk Modal Insan Dalam Novel Kanak-Kanak. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*.31 (1): 97-119. <https://doi.org/10.51200/manu.vi.2268>.

- Zaidi Hassan. (2013). Ustaz Muhammad Uthman El-Muhammady: Tokoh Dakwah Yang Ditemani Bahan Bacaan. *Pengasuh Mac-April*: 2-11.
- Zaidi Hassan. (2019). Latar belakang Muhammad Uthman el-Muhammady. Kelantan. Temubual, 7 November.
- Zakaria Stapa. (2014). Ybhg. Ustaz Datuk Muhammad Uthman El-Muhammady. Dlm. Ismail Mina Ahmad. *Muhammad Uthman El-Muhammady Intelegensia Muslim Komtemporari*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (Muafakat), hlm.162-168.
- Zulkifli Dahalan. (2008). Al-Rahmaniah: Sejarah dan peranan yang pernah dimainkannya dalam aktiviti-aktiviti dakwah Islamiah di Malaysia. *Esteem Academic Journal*. Uitm Pulau Pinang. 4 (2): 133-150.